

**STANDARD OPERATION PROCEDURE (SOP) TAMBAHAN BAGI
PELAKSANAAN PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP)
SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (KPLB) TAHUN 2020**

1. **Hebahan Penawaran Program Peningkatan Peningkatan (PPP) Dalam Laman Sesawang Agensi:**
 - 1.1 **Tarikh akhir penghantaran borang permohonan PPP adalah pada 30 April 2020;**
 - 1.2 Semua permohonan perlu dikemukakan kepada Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KPLB (BKR), KPLB atau agensi-agensi KPLB (MARA, GIATMARA, KEJORA, KETENGAH, KESEDAR, KEDA, PERDA, KEMAS, Pejabat KPLB Negeri);
 - 1.3 Semua permohonan **WAJIB** menggunakan borang permohonan PPP, KPLB rujukan KPLB/PPP/ 1-2018 – PINDAAN 1/2020, seperti di **Lampiran 1**. Bagi permohonan yang telah menggunakan borang asal, pemohon perlu mendapatkan pengesahan pendapatan dan disertakan salinan bagi perkara-perkara berikut;-
 - 1.3.1 Salinan kad pengenalan atau pengesahan identiti;
 - 1.3.2 **Pengesahan pendapatan** oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pegawai Daerah; dan
 - 1.3.3 Berdaftar dengan sistem **Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih (eKasih)** atau *Focus Group* Daerah sekiranya ada.

- 1.4 Agensi boleh menyediakan borang permohonan melalui pelbagai kaedah seperti memuat turun dari laman sesawang KPLB, memuat naik ke laman sesawang agensi atau menyediakan salinan di kaunter pejabat agensi.
- 1.5 Agensi boleh memberi keutamaan bagi tapisan awal seperti berikut;-
 - 1.5.1 Menetap atau bermastautin di kawasan luar bandar;
 - 1.5.2 Telah didaftarkan di dalam sistem **Bank Data Kemiskinan Nasional eKasih** dan berstatus miskin, miskin tegar, mudah miskin;
 - 1.5.3 Golongan kategori B40 dengan keutamaan pendapatan di bawah RM2 ribu sebulan; dan
 - 1.5.4 Pengesahan pendapatan oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pegawai Daerah

2. Proses Tapisan Awal dan Tindakan Siasatan

- 2.1 Semua agensi boleh menerima borang permohonan dan membuat semakan dokumen yang dikemukakan. Sesalinan dokumen wajib disertakan seperti di Perkara 1.3 di atas;
- 2.2 Sekiranya pemohon yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan, maklumbalas atau jawapan penolakan perlu dibuat dalam tempoh **satu bulan** dari tarikh penerimaan borang permohonan; dan

- 2.3 Bagi permohonan yang disertakan dengan dokumen yang lengkap dan memenuhi yang seperti yang ditetapkan, agensi boleh meneruskan proses siasatan atau temuduga berdasarkan lokaliti, ketersediaan projek, projek yang berdaya maju, memenuhi aspirasi KPLB akan diberikan keutamaan.
- 2.4 Sekiranya siasatan atau temuduga yang dibuat oleh wakil agensi mendapati permohonan adalah tidak layak, maklumbalas atau keputusan perlu dimaklumkan kepada pemohon **dalam tempoh 3 bulan** daripada tarikh penerimaan borang permohonan.

3. Pertimbangan Dan Kelulusan Jawatankuasa Perakuan Dan Kelulusan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

- 3.1 Semua pemohon yang layak dan disyorkan oleh agensi perlu dikemukakan ke Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KPLB untuk pertimbangan seterusnya;
- 3.2 Pertimbangan Dan Kelulusan Jawatankuasa adalah tertakluk kepada Tatacara dan *Standard Operation Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh KPLB;
- 3.3 Setiap permohonan akan dinilai dan dibentangkan dalam mesyuarat perakuan dan kelulusan di peringkat Kementerian; dan
- 3.4 Setiap permohonan sama ada yang berjaya atau gagal akan diberikan maklumbalas dalam tempoh 3 bulan dari tarikh penerimaan melainkan

dalam keadaan tertentu.